

Remaja mengaku salah berniaga, miliki bahan pornografi kanak-kanak dalam telefon pintarnya

KUCHING: Seorang remaja lelaki berusia 19 tahun mengaku bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan terlibat dengan perniagaan berkaitan pornografi kanak-kanak dan memiliki bahan tersebut di dalam telefon pintarnya.

Tertuduh membuat pengakuan berkenaan di hadapan Hakim Iris Awen Jon selepas dua pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa terhadapnya.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa terlibat dengan perniagaan berkaitan pornografi kanak-kanak dan seterusnya didakwa mengikut Seksyen 8 Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak (SOACA) 2017 dibaca bersama Seksyen 8 Akta sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan boleh disebat minimum tiga sebatan, jika sabit kesalahan.

Pertuduhan kedua mengikut Seksyen 10 SOACA 2017 pula menyaksikan dia didakwa memiliki bahan pornografi kanak-kanak di dalam telefon pintar miliknya.

Jika sabit kesalahan, boleh dijatuhkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukannya sekitar jam 9.10 malam pada 7 April 2026 di sebuah kampong di Bau.

Sejurus pengakuan bersalah tertuduh direkodkan, Timba-



TUNGGU LAPORAN SOSIAL: Tertuduh (tengah) diiringi polis semasa berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching semalam selesai sebutan kes.

lan Pendakwa Raya Asmawi Nur Haqim Mokhtar memohon satu tarikh baharu bagi mendengar laporan sosial tertuduh memandangkan dia merupakan pesalah muda.

Pendakwaan juga tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh kerana kesalahan dilakukan adalah tidak boleh dijamin, selain menyatakan ia bertujuan untuk memastikan kehadiran tertuduh ke mahkamah.

Mahkamah kemudiannya menetapkan 12 Mei 2026 sebagai tarikh sebutan semula kes untuk laporan sosial daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), selain tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh.

Tertuduh tidak diwakili peguam.

Media terdahulu melaporkan seorang remaja berusia 19 tahun ditahan dalam satu serbuan di Bau pada 8 April

2026 sekitar jam 6.10 petang hasil risikan berdasarkan maklumat diperoleh pihak polis sebelum ini.

Sehubungan itu, Ketua Polis Daerah Bau Superintenden Mohd Haide A. Rahman menerusi kenyataan berkata, hasil pemeriksaan terhadap peranti milik remaja berkenaan mendapati terdapat sebanyak 936 video lucah dan 4,035 gambar pornografi disimpan dalam telefon pintarnya.

“Siasatan awal mendapati suspek dipercayai mengakses laman web lucah melibatkan kandungan dewasa dan kanak-kanak, selain menjalankan aktiviti jual beli bahan tersebut melalui aplikasi Telegram serta mempromosikannya di platform media sosial,” katanya.

Tambahnya, suspek turut mengaku menjadikan aktiviti tersebut sebagai sumber pendapatan.